

PAC: Putrajaya bakal laksana sistem Perakaunan Akuan untuk cegah ketirisan
Malaysian Insider
4 Mac, 2014

Putrajaya bakal melaksanakan sistem Perakaunan Akuan menggantikan sistem yang lama sebagai usaha meningkatkan ketelusan dalam pengurusan dan mencegah ketirisan bermula 1 Januari, 2015, kata Datuk Nur Jazlan Mohamed .

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) itu, dengan pelaksanaan sistem tersebut, dapat membantu kerajaan untuk mendapat maklumat kewangan yang lebih tepat dan terkini.

"Saya sudah bertemu Jabatan Akauntan Negara berserta pegawai daripada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) membincangkan khusus pelaksanaan sistem Perakaunan Akuan ini yang akan dilaksanakan dalam tempoh kurang dari sembilan bulan lagi.

"Kerana itu PAC ingin tahu apakah perancangan dibuat oleh kerajaan untuk meningkatkan ketelusan dalam perniagaan akuan kerana kita menjangkakan sistem ini dapat mengekang ketirisan," katanya pada sidang media PAC di Parlimen, Kuala Lumpur hari ini. – 4 Mac, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pac-putrajaya-bakal-laksana-sistem-perakanaan-akuan-untuk-cegah-ketirisan>